

# 'Najib arah Zahid lanjut kontrak UKSB'

Saksi beritahu baki 3 tahun patut buat penilaian projek dikendali syarikat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Shah Alam:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu bahawa tempoh tiga tahun baki kontrak Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) seharusnya digunakan untuk membuat penilaian terhadap projek Sistem Visa Luar Negara (VLN) dan eVisa yang dikendalikan syarikat itu.

Sebaliknya, Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Suriani Ahmad, berkata kontrak UKSB dilanjutkan dalam tempoh kurang 24 jam, walaupun masih berbaki tiga tahun.

Suriani yang kini Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

berkata demikian pada perbincangan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung sistem VLN di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa.

Suriani berkata, kontrak UKSB masih berjalan dan ada banyak masa lagi sebelum kontrak tamat.

"Saya berpandangan perlu ada masa dan ruang untuk membuat penilaian terlebih dahulu sebab kontrak ini belum tamat lagi. Ada tiga tahun lagi, satu jangka masa yang panjang. Sepatutnya tiga tahun diberi masa untuk membuat penilaian sebelum dipertimbangkan untuk melanjutkan kontrak berkenaan," katanya.

Pada prosiding sebelum ini, Suriani pernah memberi keterangan bahawa Ahmad Zahid meluluskan permohonan lanjutan kontrak UKSB dengan kerajaan dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

"UKSB menghantar surat permohonan bertarikh 17 Oktober 2016 kepada Ahmad Zahid supaya mendapat kelulusan melanjutkan tempoh kontrak Sistem VLN dan eVisa selama enam tahun bermula 31 Oktober 2019 hingga akhir 2025," katanya.



Ahmad Zahid hadir ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

BH - 23/10/2021 ml: 18

Sementara itu, ketika disoal oleh peguam Hamidi Mohd Noh yang mewakili Ahmad Zahid bahawa 'projek ini perlu diteruskan' adalah atas arahan siapa Suriani menjawab: "Arahan Perdana Menteri."

Suriani berkata, arahan itu berdasarkan catatan minit oleh Najib pada surat bertarikh 23 Mei 2013 yang dihantar kepada Ahmad Zahid yang menyatakan 'projek ini perlu diteruskan'.

Ketika dirujuk kepada minit bertarikh 20 Januari 2014, Suriani berkata: "Minit itu menyatakan 'YB Datuk Seri Zahid, Sila Bantu Dalam Hal ini. Kontrak ini perlu diteruskan'".

**Hamidi: Ia ayat Perdana Menteri kepada Timbalan Perdana Menteri?**  
**Suriani: Betul**

Suriani turut bersetuju dengan Hamidi bahawa beliau juga akan melaksanakan arahan sekiranya diarah oleh ketuanya, Tan Sri Alwi Ibrahim yang juga Ketua Setiausaha KDN ketika itu.

Sementara itu, saksi kelima pendakwaan, bekas Penolong Setiausaha Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan

Antara Kerajaan di Pejabat Perdana Menteri, Sheeba Kunhmon, 48, berkata Ahmad Zahid menerima gaji serta elaun berjumlah RM44,383.15 setiap bulan bermula dari 2015 hingga 2018 ketika menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ahmad Zahid, 68, berdepan 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah SG\$13.56 juta daripada syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) sebagai dorongan untuk dirinya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Menteri Dalam Negeri, melanjutkan kontrak syarikat itu sebagai pengendali Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) di China dan Sistem VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai menteri sama telah mendapatkan untuk dirinya wang tunai SG\$1,150,000; RM3,000,000; EURO15,000 dan AS\$15,000 tanpa balasan daripada syarikat sama yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi beliau.

Perbincangan di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa bersambung 20 Disember ini.